

19/09/2003

Mara tunggu peruntukan naik taraf pusat giat

Azidan Nahar

KUALA LUMPUR: Lebih 150 Pusat Giat Mara di seluruh negara akan dinaik taraf sebagai Kolej Komuniti tidak lama lagi selepas menerima peruntukan kerajaan menerusi Bajet 2004.

Pengerusi Mara, Datuk Wira Abu Seman Yusop, berkata pihaknya sedang berbincang dengan Perbendaharaan mengenai peruntukan itu dan Mara akan melakukan perancangan teliti sebelum melaksanakannya.

Beliau berkata, ketika ini 17 Kolej Komuniti menempatkan 6,000 pelajar dan apabila Pusat Giat Mara sedia ada dinaik taraf, jumlahnya dijangka bertambah kepada 12,000 pelajar.

Abu Seman berkata, langkah itu sejajar dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Bajet 2004 bahawa Pusat Giat Mara akan ditingkatkan sebagai kolej komuniti yang memberi penekanan terhadap latihan vokasional.

"Dari segi dasarnya, Pusat Giat Mara sekarang memang menepati konsep Kolej Komuniti dan sesuai dinaik taraf," katanya pada sidang media selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Kualiti Mara 2002 di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Khalid Yunus, Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Zakiah Hashim dan Ketua Pengarah Mara, Datuk Zamani Md Noor.

Seramai 116 kakitangan Mara menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang manakala 21 institusi dipilih sebagai penerima Anugerah Kualiti Mara.

Abu Seman berkata, Kolej Komuniti ditubuhkan untuk menampung pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran berikutan keputusan yang tidak memuaskan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Ada antara mereka tidak dapat memasuki institusi pendidikan tinggi awam (IPTA), malah ada juga yang tidak layak ke Institut Kemahiran Mara (IKM). Jadi kolej ini berperanan untuk menampung pendidikan golongan ini," katanya.

Katanya, Mara juga akan mempertingkatkan pengambilan pelatih, jenis kursus dan kemudahan di setiap Kolej Komuniti.

Beliau berkata, perubahan dasar juga mungkin dilakukan kerana Giat Mara hanya untuk orang Melayu manakala Kolej Komuniti pula berkonsep memberi perkhidmatan kepada seluruh masyarakat tanpa mengira kaum.

"Yuran pula masih belum ditentukan kerana ketika ini menerusi Pusat Giat Mara, pelatih tidak dikenakan yuran sebaliknya diberi wang saku RM100 sebulan," katanya.